

Bersedia hadapi 16 perubahan teknologi

UM 1 JAN 2000

KUALA LUMPUR 31 Dis.

— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pentingnya rakyat Malaysia bersedia dan bertindak sewajarnya terhadap perubahan teknologi dan cabaran dunia tanpa sempadan yang menanti mereka pada alaf baru.

Perdana Menteri berkata, era baru yang membara bersama pelbagai perubahan memerlukan rakyat menyesuaikan diri sebaik mungkin bagi meraih faedah yang ditawarkan.

“Mereka yang kaya, miskin, mampu dan kurang bernasib baik perlu diberikan peluang yang sama menggunakan teknologi dan infrastruktur moden,” katanya ketika berucap pada Persidangan Rotary Antarabangsa Daerah 3300 Ke-65, di sini hari ini.

Dr. Mahathir memuji Rotary International kerana berperanan sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tidak memihak kepada mana-mana parti politik, sebaliknya hanya menumpukan kepada kerja-kerja untuk mengekalkan keamanan dan kualiti hidup.

Pada majlis itu, Perdana Menteri dianugerahkan Ahli Rotary Alaf Ini sebagai mengiktiraf peranan beliau memulihkan ekonomi negara dengan acuan sendiri tanpa mengharapkan bantuan asing.